



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

PNB mula inisiatif sulung masak bubur lambuk di Merdeka 118

Oleh [Akif Sayyid Mohd Hazardi](#) - April 29, 2024 @ 8:34pm

bhnews@bh.com.my



Kakitangan PNB dan PMVSB memulakan inisiatif sulung memasak bubur lambuk bersama komuniti setempat untuk diedarkan di sekitar presint Merdeka 118 pada bulan Ramadan lalu

KUALA LUMPUR: Permodalan Nasional Berhad Merdeka Ventures Sdn Bhd (PMVSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) memulakan inisiatif sulung memasak bubur lambuk bersama komuniti setempat untuk diedarkan di sekitar presint Merdeka 118 pada bulan Ramadan lalu.

PMVSB dalam kenyataan, berkata agihan Bubur Lambuk Bersama Komuniti Merdeka 118 adalah sebahagian daripada program sukarelawan Merdeka 118 yang membabitkan kakitangan PNB dan PMVSB untuk memasak bubur lambuk.

"Hampir 450 pek diagihkan kepada penghuni Perumahan Awam (PA) Seri Serawak, PA Jalan Hang Tuah, PA Loke Yeow dan PA Seri Selangor.

"Juadah berbuka puasa yang lazat ini dibawa pulang kepada keluarga masing-masing untuk berbuka puasa," katanya dalam kenyataan itu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Sebar semangat Ramadan di Terengganu, Kelantan, Pahang
- Bubur lambuk udang lipan dan ketam
- Bank Rakyat agih lebih 20,000 pek bubur lambuk di seluruh negara
- Sultan Selangor kagum teknologi pembinaan Menara Merdeka 118

- **Menara Merdeka 118 dapat pensijilan Platinum LEED**
- **Program Sunway Sinar Ramadan 2024 bantu golongan kurang berkemampuan**
- **10,000 bekas bubur lambuk diagih di Parlimen Tambun**
- **Anggota APM sudah biasa berbuka puasa di tepi jalan**

Ketua Hartanah Kumpulan PNB, Idros Mosin, berkata usaha itu bertujuan untuk menghidupkan semangat kejiranan dalam kalangan penghuni presint Merdeka 118.

"Penganjuran aktiviti yang mudah, tetapi amat bermakna seperti memasak bersama, ia menggalakkan pembabitan anggota masyarakat.

"Kami percaya inisiatif seperti ini dapat memupuk interaksi berterusan dengan komuniti. Seiring dengan pembangunan Merdeka 118 yang sedang dibangunkan, kami komited untuk memastikan komuniti sekitar bukan sahaja dapat turut serta, tetapi diutamakan dalam usaha kami.

"Sesungguhnya kita mengorak langkah ke hadapan bersama-sama," katanya dalam kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Komunikasi PMVSB, Liza Karim, berkata program itu mencerminkan usaha mereka untuk mengukuhkan ikatan silaturrahim dalam komuniti terutama penghuni di presint itu.

"Sambil kita berpuasa dan menunaikan ibadah pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan, sumbangan kepada masyarakat dan sokongan kepada golongan yang memerlukan amat penting bagi kami," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PA Seri Sarawak, Mohd Azmi Zakaria turut mengatakan pihaknya berharap untuk menjalinkan hubungan yang erat dengan Merdeka 118 pada masa depan.

"Bagi pihak penghuni PA Seri Sarawak dan penerima lain, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada PMVSB kerana menganjurkan inisiatif bermakna ini.

"Kami amat bersyukur dengan pembabitan berterusan mereka dalam komuniti kami. Pembabitan kakitangan dan juga PMVSB amat menyentuh hati kami," katanya.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Apr 4, 2024 @ 1:49pm

Sebar semangat Ramadan di Terengganu, Kelantan, Pahang



NASIONAL Mac 20, 2024 @ 6:16pm

Bubur lambuk udang lipan dan ketam

